



Kenyataan Akhbar

UNTUK SIARAN SEGERA

Melangkah jauh dengan eSCORE

Kuala Lumpur, 20 Oktober 2015 – Penilaian Penarafan Daya saing PKS bagi Peningkatan (SCORE) secara atas talian (online), atau eSCORE telah dilancarkan semalam oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di Perhimpunan Bulanan MITI yang diadakan di SME Corp. Malaysia. Majlis pelancaran tersebut turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada agensi MITI serta rakan strategik dalam pelaksanaan SCORE.

SCORE merupakan alat penilaian kuantitatif yang membolehkan SME Corp. Malaysia menilai prestasi PKS secara menyeluruh dan seterusnya mengkategorikan mereka berdasarkan kriteria khusus. SCORE yang dibangunkan pada tahun 2007 kini telah diterimakan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi di Malaysia bagi membolehkan bantuan diberikan dengan lebih telus dan menyeluruh. Kini dengan adanya eSCORE, PKS boleh melakukan penilaian kendiri (self-assessment) secara atas talian melalui tiga (3) langkah mudah dan memendekkan masa pemprosesan SCORE sehingga 7 hari.

Penilaian atas talian ini boleh dicapai melalui www.score.gov.my. Ianya bakal memudahkan PKS menyertai SCORE untuk mengetahui keadaan semasa perniagaan mereka, mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan prestasi perniagaan dan membolehkan mereka melangkah lebih jauh ke pasaran antarabangsa serta mampu bersaing dengan pemain global. SME Corp. Malaysia sentiasa mengenalpasti pendekatan terbaik meningkatkan kesedaran PKS tentang pentingnya penggunaan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan melalui pengenalan penilaian atas talian ini, PKS bakal menjadi lebih berdaya saing, inovatif dan berdaya tahan.

Lebih 20,000 PKS dinilai di bawah SCORE jelas membuktikan ianya telah banyak membantu PKS di Malaysia untuk mengembangkan perniagaan mereka. Kejayaan ini dicapai melalui kerjasama erat yang dijalankan antara SME Corp. Malaysia dengan 15 rakan strategik yang terlibat dalam pembangunan PKS tempatan. Kerjasama ini seterusnya diperkuuhkan melalui pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) yang berlangsung pada hari yang sama dengan disaksikan oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed.

15 rakan strategik dalam pelaksanaan SCORE adalah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Kementerian Pertahanan, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), SME Bank, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), *Technology Park Malaysia* (TPM), TM Berhad, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), *Northern Corridor Implementation Agency* (NCIA), Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah (KKLW), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan GIATMARA.

TAMAT

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Nor Hidayaty Mohd Nor di 03-2775 6044 (nhyati@smecorp.gov.my) atau Hayati Hassan di 03-2775 6029 (hayatihassan@smecorp.gov.my)

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

Tingkat 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon : 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001
Alamat sesawang : <http://www.smecorp.gov.my> / E-mel : info@smecorp.gov.my